



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KONVENSYEN USAHANITA BINAAN (KUBINA) 2017

Kementerian Kerja Raya (KKR) julung kalinya menganjurkan Konvensyen Usahanita Binaan (KUBINA) 2017 kali Ke-4 bersama rakan strategik iaitu Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bertempat di MATRADE Kuala Lumpur bertemakan “Wanita Pemacu Inovasi Negara”. Konvensyen telah berjaya menarik minat 600 penyertaan terdiri daripada usahanita dan wanita profesional. Konvensyen ini turut mendapat kerjasama daripada Pertubuhan Wanita Industri Binaan Malaysia (WIBM).

Objektif utama penganjuran konvensyen ini adalah untuk membina ruang intelek dan diskusi yang aktif dan proaktif, membuka peluang dan potensi perniagaan, mengembangkan budaya penerokaan ilmu serta menjadi platform usahanita bertukar idea dan rangkaian.

Antara pencapaian KUBINA sejak pelaksanaannya pada 2014 adalah **penubuhan persatuan Wanita Industri Binaan Malaysia (WIBM)** yang merupakan salah satu resolusi KUBINA 2014 yang bertujuan untuk menyediakan rangkaian kerjasama di kalangan wanita dalam industri pembinaan. WIBM juga giat dalam usaha menarik minat wanita generasi muda untuk berkecimpung dalam sektor pembinaan melalui ceramah kerjaya dan *roadshow* di sekolah-sekolah menengah dan universiti tempatan.

Di samping penubuhan WIBM, KUBINA juga telah **memperkenalkan anugerah** bagi mengiktiraf sumbangan wanita dalam industri pembinaan melalui **Malaysian Construction Industry Excellence Awards (MCIEA)**. Anugerah ini adalah bagi mengiktiraf individu wanita yang mempunyai ciri-ciri terbaik sebagai seorang penggiat industri yang unggul dan telah menyumbang secara signifikan kepada pembangunan industri pembinaan Malaysia.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L : 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Penceramah jemputan KUBINA 2017 adalah:

- i. Penceramah 1: Zander Iskander (Lawrence Walter Seminars)
Tajuk: Ice Breaking – Ke Arah Kecemerlangan Wanita
- ii. Penceramah 2: Puan Yusliza binti Yussof (CT Wani Sdn Bhd)
Tajuk: My Journey
- iii. Penceramah 3: Puan Janice Tay (SKRINE)
Tajuk: Adjudication – Know Your Rights
- iv. Penceramah 4: Sr Ratna binti Hj. Mahyuddin (Jabatan Kerja Raya)
Tajuk: Perolehan Kerajaan
- v. Penceramah 5: Dr. Ar. Mariam binti Jamaludin (MJ Architect)
Tajuk: Innovative Ideas, Creative Solutions
- vi. Penceramah 6: Puan Zariati Azrina binti Dato' Zainal Azmi (Credit Guarantee Corporation)
Tajuk: Business Financing & Consultancy
- vii. Penceramah 7: YM Datuk Dr. Tengku Naufal bin Tengku Mansor (DTE Consult Sdn Bhd)
Tajuk: Women Contractors' Leadership Excellence & Innovation with 10Qs

Terdapat juga satu sesi forum dengan tajuk "Memacu Inovasi Dalam Industri Pembinaan" yang dipengerusikan oleh Prof. Sr Dr. Wan Maimun binti Wan Abdullah bersama ahli panel yang terdiri daripada YBhg Dato' Sri Zohari bin Haji Akob (KSU Kementerian Kerja Raya), Ir. Dr. Shakor Ramat bin Hj. A. Badaruddin (Elcorp Technology Sdn Bhd) dan Puan Faradiva binti Zainal (Budi Prisma Sdn Bhd).

Majlis penutupan KUBINA 2017 telah disempurnakan oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof yang turut melawat 18 gerai pameran yang mempamerkan maklumat terkini, produk dan perkhidmatan berkaitan industri pembinaan.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
11 APRIL 2017

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my